

22 APR 2004

MOODY'S-MALAYSIA

M'SIA TUNJUK KEKUKUHAN TEPIS KEMUDAHUBAHAN SEKTOR ELEKTRONIK

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 22 April (Bernama) -- Keupayaan Malaysia menepis kemudahubahan di dalam sektor elektronik yang penting sambil memperbaiki kedudukan kewangan luarannya telah menunjukkan kekukuhan luarannya, kata penganalisis Moody's Steven Hess.

Katanya, akaun semasa Malaysia telah mencatatkan lebih yang besar sejak lima tahun lepas, dan satu lagi lebih walaupun kecil, dijangkakan bagi tahun ini.

Laporan tahunan Moody's Investors Service mengenai Malaysia telah menetapkan penarafan Baal pada tahap mata wang asing negara ini dan tinjauan positif ini menunjukkan kedudukan luaran yang diperkukuhkan, tinjauan imbalan pembayaran yang masih memuaskan, kemajuan di dalam kedua-dua penstrukturan korporat dan sektor perbankan.

Agensi penarafan itu juga menyatakan bahawa walaupun pertumbuhan KDNK Malaysia hampir sifar di dalam 2001, pertumbuhan telah menunjukkan peningkatan di dalam tahun-tahun selepas itu dan satu kenaikan 5-6 peratus di dalam KDNK sebenar kemungkinan dicapai apabila pertumbuhan ekonomi semakin meningkat.

Mengenai risiko jangka sederhana Malaysia, Hess menyatakan bahawa dengan corak umum pelaburan langsung asing bergerak ke China, sambil mengenyampingkan Asia Tenggara, kedudukan luaran Malaysia berbanding jangka sederhana ialah keupayaannya sama ada mengekalkan kedudukannya sebagai penerima penting pelaburan langsung atau untuk menjadikan sektor korporat lebih berdaya saing.

Menurutnya, kerajaan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mengambil alih kepimpinan lewat tahun lepas, sedang menjayakan kedua-dua matlamat itu.

Pilihan raya umum dalam bulan Mac telah mengukuhkan kerajaan Barisan Nasional yang diketuai Abdullah, pengganti yang dipilih oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang menerajui Malaysia untuk tempoh 22 tahun sebelum itu.

Hess berkata, walaupun kedudukan mudah tunai Malaysia sihat, dengan hutang luaran jangka pendek berada pada tahap rendah dan rezab antarabangsa pada relatifnya tinggi, hutang kerajaan semakin meningkat disebabkan kelemahan sektor swasta ketika kemerosotan permintaan global elektronik.

"Kerajaan telah mengambil pendirian fiskal pengembangan bagi menampung pelaburan swasta yang rendah, menjadikan bajet defisit sejak beberapa tahun lepas sambil menjadikan ekonomi bergantung kepada pelaburan kerajaan," katanya.

"Malah dengan defisit yang agak besar yang dijangka tahun ini, nisbah hutang kerajaan kepada KDNK masih dapat diuruskan, walaupun ruang untuk bergerak semakin mengecil."

-- BERNAMA

SH MAD SHY AHM